

# Buaya didakwa muncul di Sg. Kemasin-Semerak

**BACHOK** - Kehadiran seekor anak buaya dewasa yang dikatakan timbul di Sungai Kemasin-Semerak dekat Kampung Kubang Telaga di sini menimbulkan keresahan penduduk di sekitar kawasan itu.

Penduduk mendakwa, reptilia berkenaan ditemui seorang penduduk ketika sedang menjala ikan di sungai itu sekitar dua bulan lalu.

Berikutan penemuan buaya itu, rata-rata penduduk menjadikan Sungai Kemasin-Semerak sebagai sumber air untuk kegunaan harian mula mendapatkan bekalan air bersih dari dua paip di luar pagar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kubang Telaga di sini.

Seorang penduduk, Rahim Yusof, 72, berkata, sungai tersebut menjadi tumpuan penduduk untuk mendapat bekalan air selepas ke-

banyakan perigi tiub di kampung itu kering akibat kemarau.

"Sekitar April lalu, seorang penduduk yang sedang menjala mendakwa ternampak seekor anak buaya berenang di sungai itu," katanya di sini semalam.

Sementara itu, di **Miri, Sarawak**, seekor buaya tembaga di Sungai Raan, Bakam ditembak mati oleh penduduk Kampung Sungai Raan petang kelmarin.

Sang bedal sepanjang tiga meter dan seberat kira-kira 80 kilogram itu ditembak mati dengan menggunakan selaras senapang oleh penduduk kampung pada pukul 6.30 petang.

"Hasil perbincangan kami sepatutnya untuk menembak selepas buaya berkenaan kerap naik ke permukaan dan bersantai di tebing sungai sejak dua minggu lalu," katanya.



**PENDUDUK** Kampung Kubang Telaga, Bachok masih menggunakan air Sungai Kemasin-Semerak untuk mencuci pakaian meskipun seekor buaya didakwa pernah muncul di sungai berkenaan.